



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2006**

---

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN / PENGUASA IMIGRESEN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 kepada skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen diubah selaras dengan perubahan tugas dan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi pengurusan organisasi serta meningkatkan mutu perkhidmatan Imigresen bagi memenuhi aspirasi rakyat dan negara masa kini. Seajar dengan ini dan juga dalam mempertingkatkan peluang kerjaya perkhidmatan Imigresen, satu skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen diwujudkan.

### **SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN/ PENGUASA IMIGRESEN**

3. Skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38 yang berkuat kuasa diubah menjadi skim perkhidmatan bersepadu seperti berikut:

- (a) pindaan gred skim perkhidmatan kepada **Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54;**
- (b) syarat lantikan di Gred KP27 adalah dikekalkan iaitu memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (c) syarat lantikan di Gred KP41 adalah ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana muda kepujian atau ijazah sarjana muda undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (d) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred KP27 atau Gred KP32 ke Gred KP42 adalah tertakluk kepada syarat kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana muda kepujian atau ijazah sarjana muda undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan syarat-syarat lain seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
- (e) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred KP38 ke Gred KP42 adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

4. Skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen yang baru adalah seperti di [Lampiran A](#) dan iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di [Lampiran B](#). Penghuraian tugas adalah seperti di [Lampiran C](#), [C1](#), [C2](#), [C3](#), [C4](#), [C5](#), [C6](#), [C7](#) dan [C8](#).

5. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan sebagai Penolong Penguasa Imigresen dan Penguasa Imigresen hendaklah menggunakan skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

## **PELAKSANAAN**

6. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen yang telah dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen yang baru mengikut gred-gred seperti berikut:

- (a) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 akan ditukar lantik ke Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27;
- (b) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32 akan ditukar lantik ke Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32; dan
- (c) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP38 akan ditukar lantik ke Penolong Penguasa Imigresen Gred KP38.

7. Ketua jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru di bawah skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 secara tukar ganti dengan jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik mengikut keperluan dan kesesuaian.

## **PEMBERIAN OPSYEN**

8. Dengan berkuatkuasanya skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan/ Perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

9. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu ini. Mereka akan kekal di gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

10. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai tetap yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

12. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhkan hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

13. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 11, dalam tempoh opsyen asal, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

14. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di [Lampiran D, D1](#) dan [D2](#).

15. Pegawai lantikan sementara/ kontrak/ sambilan adalah tidak terlibat dalam urusan pemberian opsyen ini.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

### **Penolong Penguasa Imigresen**

16. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38 ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 ditetapkan seperti berikut:

- (a) Penolong Penguasa Imigresen yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1(P1) gred jawatan baru;

- (b) Penolong Penguasa Imigresen yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) atau Peringkat 2 (P2) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (c) jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

17. Secara terperinci penetapan gaji permulaan bagi skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen bagi setiap gred adalah seperti berikut:

- (a) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa tawaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1(P1) Gred KP27 baru;
- (b) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KP27 baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) atau Peringkat 3 (P3) jika matagaji di Peringkat 2 (P2) tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

- (c) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KP32 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (d) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP38 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KP38 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

18. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah di perenggan 17 di atas, maka Jadual Gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji Dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

19. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen adalah seperti di [Lampiran E, E1, E2, E3, E4, E5, E6, E7 dan E8](#). Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di [Lampiran F, F1, F2, F3, F4 dan F5](#).

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

20. Pergerakan gaji tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuat kuasakan hendaklah diberikan di gred jawatan baru.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

21. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

22. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat pelaksanaan yang berkuatkuasa.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

23. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui ketua jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan**

(i) mengemukakan senarai nama pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

(ii) menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat dan memberi penjelasan yang terperinci mengenai opsyen serta implikasi keputusan yang dibuat;

- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang tawaran opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan dan mengembalikan borang tawaran opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.

**TARIKH KUAT KUASA**

24. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 ialah mulai **1 Januari 2007**.

## **PEMAKAIAN**

25. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38 yang berkuat kuasa melalui Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 masih kekal untuk menampung pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan di perenggan 3 dan pegawai yang menolak opsyen pertukaran pelantikan ini.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

11 Disember 2006

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan